

Hak untuk Bersuara

1 800 81 2915 atau wpp.ethicspoint.com atau wppmobile.ethicspoint.com

Di WPP, kami komited untuk memastikan bahawa setiap orang tahu bagaimana dan berasa selesa untuk melaporkan sebarang kebimbangan.

Kerana itulah, kami menyediakan talian bantuan sulit dan percuma – Hak untuk Bersuara– untuk pekerja, pekerja bebas, perunding, pembekal dan pihak ketiga untuk melaporkan kebimbangan tentang amalan atau tingkah laku perniagaan di WPP atau syarikat operasi kami.

Ia adalah perkhidmatan yang dikendalikan secara bebas yang melindungi kerahsiaan sesiapa sahaja yang tidak mahu dikenal pasti.

Bagaimana cara untuk membuat aduan dengan menggunakan Hak untuk Bersuara?

Penggunaan talian Hak untuk Bersuara adalah secara sukarela dan sulit sepenuhnya. Perkhidmatan ini tersedia 24 jam sehari di: 1 800 81 2915 atau wpp.ethicspoint.com atau wppmobile.ethicspoint.com.

Untuk akses mudah alih yang pantas, sila imbas kod QR di bawah:



Talian Hak untuk Bersuara diurus oleh NAVEX Global EthicsPoint, sebuah pihak ketiga yang tidak berkaitan dengan WPP, yang mengendalikan talian bantuan secara global dan dalam pelbagai bahasa.

Jika anda lebih selesa untuk mengirim aduan anda secara dalam talian, sila gunakan pautan ini: wpp.ethicspoint.com

WPP tidak bertolak ansur dengan sebarang tingkah laku membalas dendam terhadap individu yang melaporkan sebarang aduan. Kami komited untuk menyediakan cara yang selamat dan sulit bagi mereka yang mempunyai aduan yang benar, untuk membangkitkan masalah tersebut, dan berbuat demikian tanpa rasa takut akan tindakan balas.

Sila ambil perhatian:

- Jika anda memilih untuk membuat aduan melalui telefon, sila dimaklumkan bahawa panggilan anda tidak akan direkod.
- Apabila anda membuat aduan, anda akan diberi pilihan untuk kekal tanpa nama jika itu yang anda mahu.

Apa yang terjadi setelah saya membuat aduan tentang sesuatu kebimbangan atau masalah?

- Sebaik sahaja laporan dilog, ia akan disulitkan oleh NAVEX Global, dan dikongsi dengan selamat dengan Ketua Penasihat Kumpulan WPP dan Penasihat Am Risiko Korporat untuk semakan dan penyiasatan melalui fungsi Integriti Perniagaan WPP.
- Anda boleh mengemaskinikan laporan anda dengan maklumat terbaharu pada bila-bila masa dengan mengakses platform NAVEX Global EthicsPoint menggunakan kaedah pilihan anda. Anda juga boleh memantau status laporan anda melalui platform NAVEX Global EthicsPoint.

Tatakelakuan WPP boleh didapati di sini:

<http://www.wpp.com/wpp/about/howwebehave/governance/>